

Selamat Ulang Tahun UiTM



اوتو كرسيتي تكنولوجي مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

**Majlis Kemuncak
Sambutan Ulang Tahun
ke-60 UiTM**

**Sambutan Ambang
Kemerdekaan UiTM**

**Istiadat Konvokesyen
UiTM ke-85**

UiTM Ikutai APEL

**Konvensyen Nasional
Penyatuan Bangsa**



Sambutan Ambang Kemerdekaan Peringkat UiTM 2016

Pada 30 Ogos 2016 yang lalu, bertempat di Pusat Asasi UiTM Kampus Cawangan Dengkil Selangor telah berlangsung majlis Sambutan Ambang Kemerdekaan Peringkat UiTM.

Majlis anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Pusat Asasi UiTM dan Bahagian Canseleri & Komunikasi Korporat ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Idris Bin Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi. Yang Berbahagia Prof Emeritus Dato' Hassan Said, Naib Canselor UiTM, dan Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr Abdullah Mohamad Said Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) turut sama hadir memeriahkan majlis.

Bertemakan "Sehati Sejiwa" bukan sahaja membawa maksud budaya seluruh rakyat Malaysia yang berganding bahu dan bekerjasama dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini, malahan juga menyemai semangat perpaduan dengan mengeneipkan perbezaan pandangan mahupun fahaman politik bagi membentuk jati diri dalam meraikan sambutan kemerdekaan pada tahun ini.

Selain itu juga, pelbagai program dan aktiviti dijalankan diperingkat universiti untuk menyuntik semangat kemerdekaan di kalangan mahasiswa UiTM. Antaranya, Pelancaran Bulan kemerdekaan, Kempen Pasang Bendera di Kenderaan, Pertandingan Bangunan Tercantik, Pertandingan Deklamasi Sajak dan Nyanyian Lagu Patriotik, Program Mendaki Gunung, Treasure Hunt, Larian Kemerdekaan dan Kayuhan Kemerdekaan.



Konsep & Reka Bentuk:
Bahagian Canseleri & Komunikasi Korporat Universiti Teknologi MARA

www.uitm.edu.my

UITM Rasmi: www.facebook.com/uitmrasmii
Lensa Korporat: www.facebook.com/darilensakorporat